

# Matlamat Bahasa Malaysia tetap

30 OKT 1975



DR. MAHATHIR

**K**ERAJAAN yakin pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi sepenuhnya akan berjalan tanpa gangguan serta akan mencapai matlamatnya mengikut jadual yang ditetapkan, kata Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau bangga mendapati banyak kegiatan diadakan oleh badan-badan sukarela di negara ini untuk memajukan Bahasa Malaysia.

Berucap merasmikan pertandingan akhir perbahasan antara sekolah-sekolah Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya anjuran Kelab Apex Kuala Lumpur di Dewan Bandaraya petang ini, beliau menghuraikan lagi matlamat penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di bidang pelajaran di negara ini.

Menurutnya, penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam tahun satu, kecuali Bahasa Inggeris, di universiti-universiti dalam tahun 1983 tetap dilaksanakan.

Dr. Mahathir menyeru dipraktikkan selalu penggunaan Bahasa Malaysia sehingga menjadi kebiasaan atau habit.

KUALA LUMPUR 29 OKT.

"Jikalau kita menulis atau membuat deraf surat-surat dan lain-lain dalam Bahasa Inggeris, kemudian diterjemahkan ke Bahasa Malaysia, sampai bilapun kita tidak akan cekap dan mahir dalam Bahasa Malaysia.

"Demikian juga jikalau kita tidak membiasakan diri bercakap dalam Bahasa Malaysia bilakah kita dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan baik?" tanyanya.

Beliau menasihatkan murid-murid dan para pelajar supaya jangan melepaskan peluang untuk melatih dan menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik.

Katanya, penguasaan terhadap penggunaan satu-satu bahasa oleh seseorang bergantung kepada banyak-sedikitnya bahasa itu digunakan.

"Bahasa tidak boleh dipelajari dengan mengkaji tentang nahu atau grammernya sahaja. Ia hendaklah dipraktikkan selalu sehingga menjadi habit kepada kita," tambahnya.